

**PEKELILING KEWANGAN CICT BIL.1/2016
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**

UTM.07.01/10.12/32 (9)

19 Januari 2015

Kepada Semua Timbalan Pengarah / Ketua Bahagian / Staf

**LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN 2016
PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**

1.0 Tujuan

Pekeliling langkah-langkah penjimatan ini dikeluarkan adalah untuk memberi panduan mengenai inisiatif CICT dalam usaha mengurus kewangan mengikut keutamaan serta mengawal secara berhemah semua perbelanjaan CICT.

Langkah-langkah ini adalah berikutan kekangan kewangan Universiti yang telah mengurangkan peruntukan 40 – 60 % kepada semua PTJ.

2.0 Langkah-Langkah Penjimatan 2016

- 2.1 Tiada keraian/jamuan makan untuk semua mesyuarat dalaman.
- 2.2 Menghadkan perjalanan. Staf dicadangkan lebih selektif untuk menghadiri tugas rasmi atau kursus/latihan. Sekiranya menghadiri tugas rasmi atas jemputan PTJ luar, tuntutan perlu dikemukakan ke PTJ yang menjemput.
- 2.3 Perjalanan untuk tugas rasmi **MESTI** mendapat kelulusan Pengarah CICT.
- 2.4 Diwajibkan untuk menggunakan kenderaan gunasama/kapal terbang klas Ekonomi.
- 2.5 Hanya penginapan di Scholars Inn UTMJB/UTMKL sahaja.
- 2.6 Tiada peruntukan untuk kursus/seminar anjuran luar (option: mohon peruntukan HCD/kursus online EPSA).
- 2.7 Tiada elaun untuk pelajar latihan industri.
- 2.8 Tiada peruntukan pembelian alat / aset bagi tahun 2016.
- 2.9 Sewaan selain mesin fotostat tidak akan dibayar menggunakan vot mengurus
- 2.10 Penggunaan mesin fotostat akan dipantau penggunaannya.
- 2.11 Kemudahan broadband kepada staf yang layak akan disemak semula dan dikurangkan.
- 2.12 Penggunaan panjar wang runcit juga akan dihadkan.

3.0 Tarikh KuatKuasa

Pekeliling Edaran Dalaman ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.


4.0 Penutup

Semua Ketua Bahagian dan staf diharap dapat dipatuhi.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Yang benar/


PROF. DR. ALI SELAMAT
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (CICT)

as/ss/rd 2016